

Kerajaan jamin terus taja penuntut Melayu pintar

Termasuk menuntut pada peringkat sarjana dan doktor falsafah di luar negara

BH - 17/7/2005

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan, kerajaan akan terus menaja pelajar Melayu pintar melanjutkan pengajian ke luar negara, termasuk di peringkat sarjana dan doktor falsafah, sejajar dengan dasar mewujudkan bangsa bermartabat.

"Kita akan teruskan rancangan kita itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kursus Kepimpinan Kelab Umno Luar Negara 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Abdullah yang juga Presiden Umno diminta mengulas persoalan yang dibangkitkan kalangan 120 pemimpin daripada 50 kelab Umno luar negara pada majlis tertutup itu. Hadir sama, Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, dan Pengerusi Pengerusi Kelab Umno Luar Negara, Datuk Shafie Apdal.

Mengenai amanatnya kepada rombongan kelab itu, Abdullah berkata beliau menjelaskan dasar kerajaan memberi keutamaan kepada usaha menambah nilai modal insan di kalangan generasi muda bagi mencapai masa depan lebih cemerlang.

Katanya, usaha mencapai matlamat itu memerlukan pembabituan semua pihak, terutamanya generasi muda yang akan meneruskan kejayaan Malaysia sebagai sebuah ne-

gara maju pada masa depan.

"Dengan cara ini sajalah kita dapat menjadikan bangsa kita mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk bersaing manakala negara yang kita sama-sama bina juga akan menjadi negara yang maju dan mampu menghadapi saingan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga menjelaskan bahawa sudah menjadi tradisi kerajaan merancang sesuatu pembangunan negara untuk rakyat, khususnya pada masa depan.

Katanya, generasi itulah kelak yang akan menikmati kejayaan Wawasan 2020 selain bertanggungjawab meneruskan urusan pentadbiran dan pembangunan negara.

"Merekalah yang akan jadi pemimpin, merekalah yang akan jadi pengurus, merekalah akan jadi penggerak pembangunan negara seterusnya merekalah yang akan menjadi golongan yang akan berusaha memajukan negara di samping menikmati apa juga kejayaan yang dapat kita beri," katanya.

Justeru, katanya, generasi masa kini perlu membuat persediaan secukupnya bagi mengambil alih tanggungjawab berat itu.

"Mereka mampu melakukannya tetapi mereka mesti membuat segala persediaan... mereka perlu menjadi individu yang cemerlang, individu yang berhemah tinggi dan berjaya. Inilah harapan yang kita letakkan di atas bahu mereka," katanya.



CEMERLANG: Abdullah menyampaikan anugerah pelajar cemerlang seluruh negara kepada Nur Amalina Che Bakri, selepas merasmikan Kursus Kepimpinan Kelab Umno Luar Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.